

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
05.03.25 (Rabu) 09.30 pagi	Notion VTEC Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 41% kepada RM488.0 juta bagi tahun kewangan berakhir 2024 (tahun kewangan berakhir 2023: RM345.3 juta). Pertumbuhan utama didorong oleh segmen Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (<i>Electronic Manufacturing Services, EMS</i>) serta segmen Cakera Keras (<i>Hard Disk Drive, HDD</i>) yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan dalam kecerdasan buatan (AI) dan pusat data.</p> <p>Berikutan itu, Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM42.9 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM45.0 juta pada tahun kewangan berakhir 2023.</p>

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
Notion VTec Berhad (AGM)	<p>Segmen HDD dan EMS masing-masing mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh sebanyak 69% dan 79%, meningkatkan pendapatan segmen kepada RM133.3 juta dan RM189.9 juta. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh perkembangan AI dan pusat data. (Halaman 9 & 10, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Memandangkan terdapat sekatan terbaru oleh Amerika Syarikat terhadap cip berkaitan AI yang mungkin memperlambangkan pengembangan pusat data, apakah pandangan Lembaga Pengarah tentang kesan perkembangan ini terhadap permintaan produk HDD dan EMS Kumpulan?</p>

[TAMAT]

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.